



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

DELEGASI MALAYSIA MENERIMA ANUGERAH MINISTERIAL AWARD DI 2023 GLOBAL SUMMIT OF WOMEN, DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU

DUBAI - Delegasi Malaysia daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menerima anugerah *Ministerial Award* berdasarkan pembentangan bertajuk '*Women Empowerment: At Least 30% of Women in Decision Making Position*' di *2023 Global Summit of Women* di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Pembentangan yang disampaikan oleh Ketua Delegasi, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM semasa sesi tertutup *Government Women Leadership Forum* mendapat pengiktirafan kerana berjaya berkongsi amalan terbaik negara dalam pelbagai usaha berterusan pemeraksanaan wanita sebagai pembuat keputusan di pelbagai sektor. Usaha-usaha ini merangkumi penggubalan undang-undang dan dasar serta penyediaan ekosistem untuk menyokong pelaksanaan inisiatif tersebut.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Irene Natividad, Presiden *Global Summit of Women* pada hari kedua persidangan yang diadakan semasa sesi *2023 Global Women's Leadership Awards Gala Dinner*.

Tema persidangan kali ini adalah "*Women: Creating a New Climate of Change*" dan bersidang dari 4 hingga 6 Mei 2023 di Marriott Marquis Hotel, Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan pemeraksanaan ekonomi wanita seluruh dunia, di samping mempamerkan pelbagai inisiatif penglibatan wanita dalam kepimpinan korporat, serta strategi bagi meningkatkan bilangan perusahaan milik wanita.

Antara pengisian utama *2023 Global Summit of Women* ialah sesi forum pra-persidangan melibatkan ketua-ketua delegasi Kerajaan, sesi plenari mengenai kepimpinan wanita dalam perubahan iklim ekonomi; forum perbincangan bersama ketua-ketua pegawai eksekutif lelaki dan wanita serta usahawan wanita; perbincangan strategi mengenai perniagaan; sesi pembinaan kompetensi dalam pembangunan kepimpinan dan keusahawanan; serta perkongsian tips kreatif daripada usahawan-usahawan wanita yang telah menempa kejayaan dalam ekonomi global. Persidangan kali ini berjaya mengumpulkan lebih 950 orang peserta daripada 70 buah negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
9 Mei 2023**









